

# Pusat akan bina lebih banyak rumah bagi nelayan, petani

UM 17 AUG 2002

KUALA TERENGGANU 16 Qeos — Kerajaan Pusat akan terus mempertingkatkan usaha membina rumah yang selesa untuk didiami oleh golongan yang berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan penghuni rumah setinggan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir' Mohamad berkata, seperti di Terengganu, pihak kerajaan telah memperuntukkan RM300 juta untuk membina rumah khusus untuk golongan nelayan melalui projek yang dibuat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Beliau berkata, langkah itu kini menjadi tumpuan dan kerajaan sanggup membelanjakan wang yang banyak supaya rakyat yang miskin dapat tinggal di rumah yang lebih selesa.

"Kerajaan ada rancangan perumahan untuk nelayan di seluruh negara merangkumi Pantai Barat dan Pantai Timur. Bukan mereka sahaja, malah kita juga

akan membina rumah untuk golongan petani.

"Tujuannya supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

"Inilah sebenarnya bukti kecekapan pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh UMNO," katanya.

Beliau menyatakan demikian Dada sidang akhbar selepas majlis penyerahan kunci dan penyerahan surat tawaran projek perumahan keluarga nelayan Terengganu di Kampung Tok Jemal di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan Pengerusi SPNB, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Perdana Menteri berkata, projek perumahan untuk golongan berpendapatan rendah itu amat istimewa kerana harga rumah yang ditawarkan amat rendah berbanding harga pasaran.

"Seperti di Terengganu para nelayan hanya perlu membayar ansuran sebanyak RM100 sebulan selama 22 tahun bagi rumah yang berharga RM40,000.

"Sebenarnya harga rumah ini disubsidikan dan mereka hanya perlu membayar RM26,667.

"Satu bentuk rumah lagi, para nelayan hanya perlu bayar RM18,667 yang sebenarnya rumah itu berharga RM28,000. Para nelayan hanya perlu membayar RM70 sebulan," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, selain penduduk luar bandar kerajaan kini dalam usaha membina rumah bertingkat di kawasan bandar untuk penduduk setinggan.

Ditanya mengenai cara pelaksanaan projek tersebut, beliau berkata, ia akan dibuat secara beransur-ansur mengikut negeri.

"Kita akan melaksanakan projek ini secara beransur-ansur mengikut negeri," tambahnya.